


1 Julai 2009 (Rabu)

Pembalakan haram dikesan lagi

Oleh WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS pengarang@utusan.com.my



Pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan bersama Pejabat Daerah Hulu Selangor memeriksa kayu balak yang ditebang di kawasan Ulu Yam, Hulu Selangor, semalam.

HULU SELANGOR 1 Julai - Tidak sampai setahun kejadian tanah runtuh yang meranapkan sebuah banglo setingkat di Ulu Yam Perdana, satu kegiatan pembalakan haram dikesan di Taman Selayang Utama, kira-kira 2 kilometer dari lokasi insiden November lalu itu. Penduduk di sekitar taman perumahan berbukit itu bimbang insiden yang sama akan berulang, lantas mengadu permasalahan tersebut kepada Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor. Berikutan aduan itu, agensi kerajaan berkenaan bersama Jabatan Perhutanan Selangor mengadakan satu operasi pemantauan di sekitar kawasan itu hari ini.

Hasilnya mengejutkan. Belum sempat rombongan itu sampai ke puncak bukit setinggi 541 meter tersebut, mereka dihalang oleh sebatang pokok yang merentangi laluan kenderaan, dipercayai angkara mereka yang melakukan pencerobohan. Para wartawan dan jurugambar yang menyertai pemantauan itu dibawa menaiki kenderaan pacuan empat roda, melalui laluan curam dan sempit serta gaung sebelum terhenti di pertengahan jalan. Apa yang diperhatikan, longgokan kayu yang telah ditebang di tepi laluan hutan itu selain kedengaran bunyi mesin pemotong kayu yang dikesan tidak jauh dari lokasi kami.

Kawasan itu, termasuk tiga lot tanah seluas 143 hektar yang asalnya dimiliki oleh Yayasan Selangor sebelum dijual kepada Shah Alam Property yang kemudiannya dijual kepada tiga pemilik tanah. Dalam operasi itu, para wartawan turut terserempak dengan beberapa pekerja yang menaiki jentolak sedang melakukan kerja-kerja membalak di premis itu. Menurut Pegawai Daerah Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor, Nor Hisham Ahmad Dahlan, pihaknya ada menerima aduan penduduk yang mendakwa melihat lori membawa muatan kayu-kayan keluar dari kawasan itu. Katanya, pihaknya mendapati kawasan seluas 20 hektar itu telah dibersihkan dan aktiviti pembalakan turut dikesan di situ.

"Adalah menjadi kesalahan sekiranya pemilik tanah yang memiliki tanah tinggi peringkat ketiga dan keempat melakukan kerja-kerja pembersihan hutan dan pembalakan tanpa permit sah dan kelulusan kerajaan negeri. "Pihak pemilik tanah itu sebenarnya ada menghantar surat permohonan memindahkan kayu balak, namun tiada sebarang permit dikeluarkan lagi bagi tujuan tersebut sejak kejadian tanah runtuh terbabit berlaku," katanya ketika ditemui selepas operasi pemantauan itu di sini hari ini.

Pada 30 November lalu, dua beradik mati tertimbus dalam kejadian runtuh tanah yang menimpa sebuah banglo setingkat di Lot 110, Jalan Belida 1, Ulu Yam Perdana berhampiran kawasan pembalakan haram itu. Dalam kejadian pukul 5.30 pagi itu, Noratirah Roslan, 16, dan adiknya, Nurul Intan Sarina, 9, sedang tidur dalam bilik mereka manakala ibu bapa serta tiga adik-beradik yang lain tidur di bilik utama apabila tebing di belakang rumah berkenaan runtuh, lalu menghempap rumah itu yang dibina di kawasan lereng bukit.

Nor Hisham dalam pada itu memberitahu, pihaknya akan menyiapkan satu laporan yang diserahkan kepada Kerajaan Selangor hari ini berhubung operasi terbabit dan mencadangkan pemantauan seterusnya oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. "Pihak kami risau sekiranya aktiviti seperti ini dijalankan tanpa kelulusan pihak berwajib, kejadian tanah runtuh akan berlaku sekali lagi selain aktiviti pemindahan kayu balak dari kawasan itu dilakukan tanpa permit. "Kes ini akan disiasat mengikut Seksyen 40 Akta Perhutanan Negara 1984 dan Seksyen 425 Akta Kanun Tanah Negara," katanya.

1 Julai 2009 (Rabu)

RM3.1 bilion lebih cukai dikembalikan

KUALA LUMPUR 1 Julai - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengumumkan pembayaran balik lebih cukai sebanyak RM3.1 bilion kepada 323,517 pembayar cukai pada tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Hasmah Abdullah berkata, jumlah itu merangkumi 70 peratus daripada keseluruhan kes pembayaran balik yang mengambil masa antara sebulan hingga tiga bulan. Katanya, pembayaran balik itu dibuat sama ada secara dalam talian atau manual.

"Kita sudah membayar semula lebih cukai berjumlah RM3.1 billion kepada individu dan syarikat berkenaan. "Angka itu disifatkan normal dan kita jangka baki lebih cukai akan diserahkan semula kepada pembayar dalam masa terdekat," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini hari ini.

Mengenai dengan kes pembayaran balik lebih cukai, Hasmah berkata, setiap tahun, pihaknya membuat pembayaran balik kepada kira-kira 400,000 pembayar. Dalam perkembangan lain, beliau berkata, sebanyak 1,518,378 rakyat negara ini menggunakan sistem e-Filing LHDN bagi tujuan taksiran dan pembayaran cukai pendapatan masing-masing sehingga tengah malam tadi. Katanya, jumlah tersebut semakin meningkat dari tahun ke tahun sejak sistem itu mula diperkenalkan pada 2006.

"Sehingga pukul 12 tengah malam tadi, jumlah itu mencecah 1.5 juta dan ia tidak dikira sekali dengan borang yang dihantar secara manual. "Ia menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Peningkatan mendadak ini menunjukkan sikap positif masyarakat negara ini terhadap kemudahan e-Filing," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Hasmah menegaskan, individu yang gagal melunaskan cukai pendapatan perlu menyelesaikan penalti sebelum nama mereka 'dibersihkan'. Tegas beliau, jumlah penalti yang perlu dibayar adalah dalam lingkungan RM200 sehingga RM2,000 bergantung kepada jumlah cukai mereka. "Kita dikenakan denda minimum RM200 atau 10 peratus daripada jumlah cukai mereka dan jumlah itu tidak melebihi RM2,000 untuk setiap kes," jelasnya.

Penggunaan e-Filing daripada rakyat negara ini mencatatkan peningkatan daripada 184,593 orang pada tahun 2006, manakala 2007 (699,922) dan 2008 (1,156,277).

1 Julai 2009(Rabu)

PKFZ pusat ekonomi, pelaburan

KUALA LUMPUR 1 Julai - OIC International Business Centre Sdn. Bhd. sedang mengkaji kemungkinan mendapatkan ruang di Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) bagi penubuhan Pusat Ekonomi dan Pelaburan Islam Antarabangsa. Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr Raja Mohamad Abdullah berkata, beliau merancang untuk menemui Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ong Tee Keat, bagi membincangkan perkara tersebut.

Beliau menjelaskan bahawa pusat itu akan menjadi kemudahan perdagangan setempat bagi negara-negara Islam mempamerkan produk dan perkhidmatan masing-masing di samping menggalakkan perangkaian dalam komuniti perniagaan. "Saya tidak berminat terhadap kontroversi yang menyelubungi PKFZ. Apa yang saya fikir ialah PKFZ boleh menjadi lokasi unggul bagi pusat ekonomi itu," katanya dalam satu wawancara.

Raja Mohamad berkata, beliau mengkaji, mempromosi dan meneroka daya maju projek pusat itu, yang dicadangkannya buat kali pertama pada 1991. Beliau berkata, sebelum ini beliau juga mempertimbang kemungkinan membeli Menara Marinara di sini dan menukarnya menjadi sebuah Pusat Perdagangan Dunia Islam. Tetapi, disebabkan sedikit masalah, katanya, rancangan itu tidak menjadi kenyataan.

Raja Mohamad yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Ramcel Media Sdn. Bhd., menerbitkan majalah dua kali sebulan *OIC Today* dan beberapa direktori perniagaan mengenai negara-negara OIC. Beliau juga menerbitkan direktori perdagangan pertama bagi negara-negara anggota OIC semasa Sidang Kemuncak OIC ke-10 yang dihoskan oleh Malaysia di Putrajaya pada 2003.

Menurut Raja Mohamed, beliau telah membincangkan rancangan untuk mendapatkan ruang di PKFZ itu dengan masyarakat perniagaan 12 negara Islam, termasuk negara-negara Arab, dan menerima maklum balas positif. Beliau menegaskan bahawa pusat itu akan mengatasi kesukaran yang timbul akibat kekurangan pendedahan dan ketiadaan kemudahan perdagangan setempat bagi mempamerkan produk dan perkhidmatan. "Masalah ini menyukarkan negara-negara OIC menembusi pasaran negara-negara anggota lain dan juga di peringkat global," tegasnya.

Kata beliau penubuhan pusat sedemikian juga sejajar dengan saranan kerajaan Malaysia agar negara-negara OIC meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan sesama sendiri bagi memanfaatkan pasaran Islam global yang amat besar. "Dijangkakan pusat itu boleh memainkan peranan penting dalam mempermudah perdagangan di kalangan negara-negara OIC. "Saya percaya satu cara penting untuk meningkatkan perdagangan di kalangan negara-negara OIC ialah dengan mempamerkan produk masing-masing bagi mendapatkan pendedahan. Untuk tujuan itu, sebuah pusat perdagangan setempat diperlukan," kata beliau.

Beliau memaklumkan bahawa Program Tindakan 10 tahun OIC yang diluluskan pada Sidang Kemuncak Luar Biasa di Makkah Arab Saudi pada Disember 2005, menetapkan matlamat untuk meningkatkan perdagangan sesama negara OIC kepada 20 peratus perdagangan dunia dalam dekad ini hingga 2015. Raja Mohamad menegaskan, dengan penduduk berjumlah 22 peratus daripada keseluruhan penduduk dunia, 57 negara anggota OIC itu menyumbang hanya kira-kira 6.8 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia pada 2007. Negara-negara OIC mempunyai KDNK (pada pariti kuasa belian) AS\$7.74 bilion (RM27 trilion).

Beliau juga berkata, perdagangan sesama negara OIC menyumbang hanya kira-kira 16.67 peratus daripada keseluruhan perdagangan dalam 2008. Kata Raja Mohamad, beliau menganggap PKFZ, dengan semua kemudahannya, sebagai lokasi yang unggul, strategik dan terbaik bagi pusat yang dirancang itu. "Jika rancangan ini dilaksanakan, dari satu segi, ia juga akan membantu menjana lebih banyak pendapatan bagi PKFZ dan peluang perniagaan bagi pelabuan-pelabuan sekitarnya," ujar beliau.

Beliau menyuarakan keyakinan bahawa pusat itu akan juga membantu meletakkan Malaysia sebagai gerbang kepada ekonomi Islam. Antara produk yang boleh dipamerkan oleh negara-negara OIC ialah produk pertanian dan asas tani, pembuatan, makanan, automotif, pelancongan, minyak dan gas, pendidikan, penjagaan kesihatan, bioteknologi dan ICT.

Menurut beliau, kini tiba masanya pusat perdagangan setempat sedemikian dibangunkan kerana hari demi hari, banyak negara Islam yang terlepas peluang perdagangan dan perniagaan disebabkan kurangnya kemudahan, prasarana dan pendedahan bagi produk dan perkhidmatan, meskipun negara-negara itu mempunyai potensi dan sumber yang sangat besar. "Ada banyak negara Islam yang miskin meskipun mempunyai potensi ekonomi. Saya berharap pusat yang dirancang ini akan membantu negara-negara ini memasarkan produk masing-masing," ujar Raja Mohamad. - BERNAMA

3 Julai 2009(Jumaat)

Rencana - RM30 bilion untuk ambil alih tol tidak masuk akal

KETIKA rakyat Malaysia sibuk membincangkan isu pembantu rumah, politik ke arah perpaduan, konsep 1Malaysia, jangan lupa isu yang akan memberi kesan ke atas kehidupan harian kita - kadar tol. Saya merujuk kepada artikel yang disiarkan dalam akhbar tempatan *The Edge Financial Daily* 10 Jun lalu bertajuk "Kos ambil alih PLUS menelan belanja RM30 bilion." Artikel yang memetik kenyataan daripada sebuah syarikat penyelidikan Singapura, DBS Vickers yang menyatakan terdapat beberapa jalan penyelesaian yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengambil alih lebuh raya PLUS.

Salah satu caranya ialah melibatkan perbelanjaan yang tidak munasabah iaitu sebanyak RM30 bilion dan satu lagi pilihan ialah melalui penswastan yang akan menelan belanja sebanyak RM15 bilion. Sebagai salah seorang penduduk di Lembah Klang dan pengguna tetap lebuh raya bertol, saya menghargai usaha kerajaan untuk mengurangkan bebanan rakyat iaitu daripada segi kewangan. Saya pasti bahawa pengambil alihan lebuh raya tidak akan menyelesaikan masalah yang sedang kita hadapi sekarang iaitu kesesakan jalan raya. RM30 bilion dan apatah lagi RM15 bilion merupakan jumlah wang yang besar, di mana saya percaya ia datang daripada cukai pendapatan rakyat Malaysia. Saya lebih rela jika peruntukan besar itu dibelanjakan untuk mempertingkatkan lagi pengangkutan awam yang sekarang berada dalam keadaan kucar-kacir.

Bayangkan kesan akibat LRT lambat dan berterusan rosak, bas kotor dan tidak pernah mematuhi jadual, penjual tiket bas ekspres haram dan teksi haram berada di mana sahaja. Jika negara jiran kita iaitu Singapura tidak pernah mengalami masalah sebegini, kenapa kita menghadapi masalah ini dan mengapa kita tidak boleh meniru kecanggihan mereka? Tidak dapat dinafikan bahawa peranan utama jalan-jalan ini ialah menghubungkan bandar-bandar utama di mana kerajaan sepatutnya meninjau dengan lebih dalam perkara ini.

Lebih-lebih lagi jika peruntukan untuk mengambil alih atau penswastan tol diagihkan untuk membangunkan jalan-jalan dan lebuh raya di Sabah dan Sarawak. Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa tiada jalan lain yang dapat menghubungkan dua negeri itu dan rakyat di sana tidak mendapat keperluan asas ini. Saya merayu kepada pihak kerajaan supaya mencari jalan alternatif lain untuk meringankan beban rakyat bagi menangani masalah tol yang sedia ada seperti menurunkan atau mengekalkan harga tol supaya kadar bayaran itu tidak akan naik pada setiap tiga tahun, atau memberi lebih banyak potongan harga pada masa lalu lintas tidak sesak.

Pihak kerajaan juga patut memberi kemudahan *smart tag* secara percuma kepada semua pemilik kenderaan bagi mengelakkan kesesakan di plaza tol. Dengan melakukan semua ini, RM30 bilion ataupun RM15 bilion boleh diguna untuk memajukan sistem pengangkutan jalan yang dapat memberi faedah kepada semua rakyat Malaysia dan bukan hanya kepada segelintir rakyat sahaja yang menggunakan laluan bertol.

TIA SURIYA HAMID< Kuala Damansara,>

4 Julai 2009 (Sabtu)

Konsultan UK dilantik siasat bumbung stadium runtuh

KUALA TERENGGANU 4 Julai — Kerajaan Terengganu melantik sebuah konsultan dari United Kingdom (UK) bagi menyiasat punca sebahagian bumbung Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin dekat Gong Badak, runtuh pada 2 Jun lepas. Menteri Besar Datuk Ahmad Said berkata konsultan itu yang mempunyai cawangan di Kuala Lumpur dijangka menyerahkan hasil siasatan dalam tempoh tiga bulan akan datang. “Kita bersetuju melantik sebuah firma dari United Kingdom untuk mengendalikan kerja-kerja siasatan runtuhan bumbung stadium itu,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Pada kejadian kira-kira pukul 9.30 pagi pada 2 Jun lepas, Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin hampir musnah apabila kira-kira 60 peratus struktur bahagian bumbungnya runtuh. Stadium berharga RM292 juta itu baru siap kira-kira setahun lepas dan dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin pada 10 Mei tahun lepas.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata stadium itu ditutup sehingga kerja-kerja membaikpulih dilakukan sepenuhnya dan ia akan dibuka setelah mendapat jaminan keselamatan daripada kontraktor yang dilantik. Katanya kerajaan Terengganu bersetuju melantik konsultan swasta itu kerana berpendapat perlunya dua pihak yang menjalankan siasatan tersebut, iaitu bagi kerajaan pusat dan negeri.

Beliau berkata segala perbelanjaan untuk khidmat perunding dari UK itu akan dibiayai sendiri oleh kerajaan negeri. Berikutan kejadian itu, beliau berkata beberapa gelanggang yang ada di stadium itu seperti gelanggang skuasy dan bola sepak terpaksa ditutup dan kejohanan-kejohanan yang sepatutnya diadakan di situ, dipindahkan ke tempat lain.

7 Julai 2009 (Selasa)

RM176 juta sudah dibelanjakan

KUALA LUMPUR 7 Julai - Kementerian Pertahanan telah membelanjakan RM176 juta atau 71 peratus daripada RM250 juta peruntukan yang diterimanya di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama. Menterinya, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 2,071 atau 93 peratus daripada 2,228 projek di bawah pakej rangsangan tersebut telah ditawarkan dan dilaksanakan setakat Jun tahun ini.

Bagaimanapun menurutnya, hanya 900 daripada 2,071 projek itu yang telah siap dan dibuat pembayaran sebanyak RM68 juta sementara baki 1,171 projek lagi kini dalam proses pelaksanaan akhir. “Kementerian telah melaksanakan hampir tiga perempat projek yang telah dirancang di bawah pakej ini dalam masa hanya kira-kira setengah tahun sahaja.

"Ini bermakna, kementerian telah mencatat satu prestasi kewangan dan perbelanjaan yang baik seterusnya akan memberi impak positif kepada warga kerja dan rakyat di negara ini," katanya pada perhimpunan bulanan Kementerian Pertahanan di sini hari ini.

Turut hadir timbalannya, Datuk Dr. Abdul Latif Ahmad; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Abu Bakar Abdullah dan Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal. Kerajaan memberi suntikan dana sebanyak RM250 juta kepada Kementerian Pertahanan menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama bagi tujuan melaksanakan pelbagai projek termasuk penyenggaraan kem-kem dan kuarters Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di seluruh negara.

Dalam perkembangan sama, Ahmad Zahid memberitahu, kementerian setakat Jun tahun ini telah membelanjakan RM12.3 bilion atau 78 peratus daripada jumlah keseluruhan peruntukan yang diterima di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). "Ini bermakna, kementerian juga telah mencatat prestasi kewangan dan perbelanjaan yang sangat baik dalam RMK-9 seterusnya dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara," ujarinya.

Mengenai arahan pembayaran kepada kontraktor dibuat dalam tempoh 14 hari, beliau berkata, kerajaan kini giat memantau agensi-agensi yang terlibat dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut.

8 Julai 2009 (Rabu)

PKFZ: Rahman saman syarikat, individu RM11j

SHAH ALAM 8 Julai - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil memfailkan saman terhadap sembilan syarikat termasuk media dan individu berjumlah RM11 juta kerana mengaitkan nama beliau dengan kontroversi projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Beliau berkata, saman itu difailkan melalui peguamnya, Kamal Hisham Hasnal Rezua pada 3 Julai lalu termasuk memberi tempoh selama seminggu kepada pihak terbabit untuk menjawab tuntutan berkenaan.

"Saya mahu membersihkan imej yang tercemar kerana tuduhan pihak terbabit secara langsung mengaitkan saya mempunyai kepentingan dalam isu PKFZ. "Laporan itu ada unsur berat sebelah kerana ada 20 lagi ahli lembaga pengarah Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) tetapi mengapa hanya saya yang dikaitkan," katanya pada sidang akhbar di lobi Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini hari ini.

Menurutnya, 11 pihak yang dikenakan saman itu adalah Sun Media Corporation (The Sun), Exco Selangor, Teresa Kok (yang membuat tuduhan yang disiarkan dalam [Suara Keadilan](#)); *The New Straits Times*; Pelita Koridor Sdn. Bhd.; NPK Sdn. Bhd. (Penerbit *Suara Keadilan*); New Straits Times Berhad (NST); Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Bagi tujuh defendan itu, Abdul Rahman menuntut ganti rugi sebanyak RM1 juta manakala dua lagi defendan lagi iaitu PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd. (PwC) dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) pula dituntut membayar saman RM2 juta.

Laporan audit PwC yang didedahkan Mei lalu menyatakan, Ketua UMNO Bahagian Kapar dan bekas Exco Selangor itu yang memegang jawatan Pengerusi Koperasi Pembangunan Pulau Lumut (KPPL) adalah Ahli lembaga Pengarah LPK pada 2002 apabila KPPL menjual tapak PKFZ kepada LPK.

8 Julai 2009 (Rabu)

PKFZ: Belum ada bukti penyelewengan

SHAH ALAM 8 Julai - Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini berkata setakat ini tidak ada bukti menunjukkan berlaku penyelewengan di dalam projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Beliau berkata pada pendapatnya apa yang berlaku ialah Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) tidak mahir dalam pengurusan di zon perdagangan bebas itu dan perlu bertanggungjawab dengan pelaburan yang dibuat. "Penyelewengan boleh kita katakan jika ada bukti tapi sekurang-sekurangnya saya rasa Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) tak reti meniaga," katanya semasa menjawab soalan tambahan Dr. **Shafie Abu Bakar (Pas-Bangi)** apakah terdapat elemen rasuah di dalam pembangunan projek PKFZ di mana kos pembinaannya mungkin meningkat sehingga RM12.5 bilion daripada kos asal RM2 bilion semasa sesi soal jawab Sidang Dewan Undangan Negeri hari ini.

Abdul Khalid berkata daripada sesetengah pihak mencari kesalahan mengenai kewajaran projek itu, adalah lebih baik Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada LPK untuk membiayai projek itu dan melupuskan hutang semasa kos projek itu bagi mengurangkan kerugian. Jika kosnya termasuk faedah pinjaman meningkat hingga RM12 billion, LPK perlu mencari keuntungan hampir RM1.2 juta setiap tahun bagi mendapatkan pulangan 10 peratus setahun untuk membayar hutang dan menampung kos operasi, katanya dan menurutnya itu agak sukar dicapai berdasarkan pengalamannya menerajui Kumpulan Guthrie sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya jika Kerajaan Persekutuan melupuskan hutang semasa kos projek ini pada RM3 bilion dengan sasaran mendapatkan keuntungan pada kadar 10 peratus iaitu RM300 juta setahun, ia adalah satu unjuran yang agak munasabah untuk dicapai PKFZ. Abdul Khalid juga berkata kerajaan negeri sedia membantu LPK untuk menarik pelaburan dan berharap seorang anggota Exco kerajaan negeri diterima menjadi Ahli Lembaga Pengarah LPK kerana pada masa ini hanya pegawai kanan kerajaan negeri sahaja yang menjadi wakil. Semasa menjawab soalan **Ng Suee Lim (DAP-Sekinchan)** bilakah kerajaan negeri menganugerahkan tanah seluas 400 ekar kepada Koperasi Kemajuan Pulau Lumut dan tujuan sebenar tanah itu diberikan, Abdul Khalid berkata pemberian tanah itu dipersetujui mesyuarat Exco kerajaan negeri pada 8 Jan 1990. - Bernama

8 Julai 2009 (Rabu)

Sistem perladangan kontrak ditingkat

KOTA KINABALU 8 Julai - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah akan meningkatkan pelaksanaan sistem perladangan kontrak bagi menampung permintaan produk pertanian yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Menteri, Datuk Yahya Hussin berkata, sistem perladangan kontrak membolehkan tumpuan khusus diberikan untuk memastikan ladang berkenaan menghasilkan produk pada jumlah dan kualiti yang diharapkan. "Ia bukan sahaja membabitkan sektor pertanian tetapi turut melibatkan ternakan dan perikanan. Di bawah sistem ini insentif dan bantuan akan diberikan dengan lebih berkesan kepada peserta. "Ini secara tidak langsung mampu meningkatkan pengeluaran produk pertanian dan sekali gus menampung permintaan yang semakin meningkat," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Seminar Pengeluaran dan Pemasaran Makanan serta Penyampaian Anugerah Usahawan dan Petani Cemerlang kepada 86 penerima di sini hari ini.

Daripada jumlah itu, 51 peserta menerima Anugerah Petani Contoh, 17 menerima Anugerah Pencapaian Terbaik dan 18 menerima Anugerah Usahawan Agro. Dalam pada itu, Yahya yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah memberitahu, kerajaan akan mengagihkan geran bantuan berjumlah RM400,000 kepada 36 peserta yang menyertai Program Mempelbagaikan Pendapatan Peladang. "Daripada angka itu, 35 peserta menerima geran RM10,000 setiap seorang manakala seorang menerima geran RM50,000. "Geran ini tidak diberi secara tunai tetapi sebagai insentif kerajaan dalam bentuk peralatan ladang dan bengkel pemprosesan makanan untuk membantu para penerima bergerak maju," katanya.

Menurutnya, dari 2006 hingga 2009, Jabatan Pertanian Sabah telah menyalurkan geran seperti itu kepada 191 penerima. Dalam perkembangan berkaitan, beliau menggesa para petani melaksanakan peraturan 3P iaitu Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan bagi membolehkan mereka bersaing di peringkat global. "Sistem 3P perlu diamalkan. Ini bukan sahaja mewujudkan persaingan baik dalam pengeluaran makanan, ia juga meningkatkan pendapatan petani dan seterusnya menjayakan hasrat menjadikan pertanian enjin pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

9 Julai 2009 (Khamis)

SMIDEC dijenamakan semula

Oleh ZULKIFLI JALIL dan ZABRY MOHAMAD



Najib Tun Razak sebelum mempengerusikan mesyuarat ketiga NCIA di Putrajaya semalam yang turut dihadiri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Dr. Zambry Abd. Kadir.

PUTRAJAYA 9 Julai - Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana Malaysia (SMIDEC) dijenamakan semula dan dikenali sebagai SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) Malaysia dengan tujuan membangunkan sektor perusahaan kecil dan sederhana yang kompetitif dan berdaya tahan dalam menangani krisis ekonomi. Serentak dengan itu juga mulai tahun depan, pengusaha perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berjaya menghasilkan produk baru bermutu tinggi berpeluang membekalkannya kepada jabatan atau agensi kerajaan yang memerlukan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengumumkan perkara itu berkata, tawaran berkenaan merupakan ganjaran yang bakal diterima bagi menggalakkan 567,480 pengusaha PKS tempatan menghasilkan barangan atau perkhidmatan yang inovatif. "Tahun depan kerajaan akan menganjurkan pameran atau forum untuk kita tunjukkan produk paling berinovatif di kalangan PKS. "Hadiah sangat lumayan akan disediakan oleh kerajaan termasuk kemungkinan pembelian barangan atau perkhidmatan paling inovatif," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Kesembilan di sini hari ini. Najib memberitahu, pameran tersebut akan dipecahkan mengikut kategori produk seperti asas tani, perkhidmatan dan pembuatan. Beliau menambah, garis panduan mengenainya sedang disediakan oleh SME Corp. Malaysia dan akan dibentangkan pada mesyuarat majlis hujung tahun ini. Menurutnya, antara fungsi utama SME Corp. Malaysia yang dijangka beroperasi pada Ogos ini adalah sebagai pusat maklumat dan rujukan setempat, menyelaras dasar dan program serta mengurus data, maklumat dan kajian berkaitan PKS. "SME Corp. Malaysia akan menjadi sebuah pusat rujukan yang membolehkan sesiapa saja mendapatkan bantuan malah SME Bank boleh merujuk kepadanya," ujarinya.

Dalam perkembangan lain, Najib menjelaskan sebanyak 174 program khas sedang dilaksanakan tahun ini dengan peruntukan kewangan RM3.04 bilion bagi membantu PKS. "Daripada jumlah ini, 17 adalah program baru bagi tujuan bina upaya melibatkan komitmen kewangan berjumlah RM19.4 juta. "Sebagai tambahan, 17 program lain juga telah diperkenalkan di bawah Pakej Rangsangan Kedua dengan peruntukan berjumlah RM11.9 bilion bagi tujuan pembiayaan, bina upaya dan penyediaan infrastruktur," katanya.